BAHASA MELAYU TAHUN 2

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| **TEMA 1** | **KEKELUARGAAN**<br>Unit 1 : Hari Minggu dengan Keluarga<br>Unit 2 : Cerita Keluarga<br>Unit 3 : Keluarga Berhemah | **1** |
| **TEMA 2** | **PERPADUAN**<br>Unit 4 : Sahabat Karib<br>Unit 5 : Hidup Berjiran<br>Unit 6 : Sepakat Membawa Berkat | **19** |
| **TEMA 3** | **KEBERSIHAN DAN KESIHATAN**<br>Unit 7 : Kebersihan Bermula dari Rumah<br>Unit 8 : Jadikan Amalan<br>Unit 9 : Aktifkan Diri | **38** |
| **TEMA 4** | **KEBUDAYAAN KITA**<br>Unit 10: Uniknya Budaya Kita<br>Unit 11: Kesenian Dihargai<br>Unit 12: Amalan Baik | **55** |
| **TEMA 5** | **JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**<br>Unit 13: Bersikap Mulia<br>Unit 14: Hidup Berbakti<br>Unit 15: Oh, Malaysiaku | **70** |
| **TEMA 6** | **ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**<br>Unit 16: Alamku sayang<br>Unit 17: Kebersihan Alam Tanggungjawab Bersama<br>Unit 18: Mesrai Alam | **91** |
| **TEMA 7** | **PERTANIAN DAN PENTERNAKAN**<br>Unit 19: Hargailah Pokok<br>Unit 20: Ternakan yang Berfaedah<br>Unit 21: Rajin dan Usaha Tangga Kejayaan | **106** |
| **TEMA 8** | **INTEGRITI**<br>Unit 22: Anak yang Baik<br>Unit 23: Amalan Baik di Sekolah<br>Unit 24: Berbuat Baik Selalu | **124** |




# HARI MINGGU DENGAN KELUARGA

## A Sebut frasa dengan betul dan tepat. S.P 1.1.1(i)



**B** **Baca dan fahami petikan. Kemudian, jawab soalan.** S.P 2.1.1(i) & (ii)

## Melawat Rumah Anak Yatim

Puan Hartini membawa Azlia dan Adam melawat rumah anak-anak yatim. Mereka pergi pada hujung minggu.

Mereka dapat melihat kehidupan anak-anak yatim piatu. Hati mereka sayu mendengar cerita anak-anak yatim itu.

Azlia dan Adam berjanji akan menjadi anak yang baik dan sentiasa mengenang jasa ibu bapa.

1 Siapakah yang membawa Azlia dan Adam ke rumah anak yatim?

______________________________________

______________________________________

2 Bilakah aktiviti keluarga ini dijalankan?

______________________________________

______________________________________

3 Apakah perasaan Azlia dan Adam mendengar cerita anak-anak yatim?

______________________________________

______________________________________

4 Apakah janji Azlia dan Adam?

______________________________________

______________________________________

## C Isi tempat kosong dengan kata nama am. S.P 5.1.1(i)



















## D Tulis kata nama am hidup manusia berdasarkan gambar. S.P 5.1.1(i)




1 ____________ kelas saya bernama Puan Alisa.



2 Kita perlu berjumpa ____________ apabila sakit.



3 ____________ yang menghasilkan potret yang cantik.



4 ____________ dan ____________ sedang mencuci kereta.



5 Setiap hari Ahad, kami melawat ____________

dan ____________ yang tinggal di kampung.

Hari:______________ Tarikh:______________

Tema 1 Kekeluargaan

# UNIT 1 Hari Minggu dengan Keluarga

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 1 – 6

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

**Sebut frasa. Kemudian, nomborkan frasa pada gambar yang betul.** SP1.1.1(i)

1. pasu bunga
2. mengangkat baju
3. mencuci longkang
4. paip air
5. pokok bunga
6. di atas ampaian
7. membaca surat khabar
8. di atas meja



Disemak oleh:..............................

# KEMAHIRAN MEMBACA

**Baca perkataan. Kemudian, labelkan pada gambar yang betul.**

SP2.2.1(i)

**Belajar Bermain Bola Sepak**

| | | |
|---|---|---|
| bola | bangku | kasut bola |
| padang | jaring | tiang gol |




Disemak oleh:...................................

## KEMAHIRAN MENULIS

**Tulis perkataan dan ayat yang diberikan semula.** SP3.1.1(i)(ii)

1. Perkataan

   (a) meja →

   (b) lukisan →

2. Ayat

   (a) Alia pandai menulis.

   (b) Tulisan Alia sangat cantik.

## TATABAHASA

**Isi tempat kosong dengan kata nama am yang sesuai.** SP5.1.1(i)

| kad | sampul | kek | pensel |
|---|---|---|---|

1. Bersempena dengan Hari Ibu, Alia dan adik beradiknya hendak membuat ____________ ucapan.
2. Adik Alia mewarnakan gambar bunga mawar itu dengan menggunakan ____________ warna.
3. Abang Alia memasukkan kad ucapan itu ke dalam ____________ berwarna merah.
4. Ayah membeli sebiji ____________ untuk meraikan Hari Ibu.

Disemak oleh:.................................

Hari: ______________ Tarikh: ______________

Tema 1 Kekeluargaan

# UNIT 2 Cerita Keluarga

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 7 – 12

## Kemahiran Mendengar dan Bertutur

**Sebut ayat di bawah dengan betul. Kemudian, nomborkan ayat berdasarkan gambar.** SP1.1.1(ii)




| | |
|---|---|
| Nenek Hana suka mengait baju. | |
| Kakak sedang memberi ikan makanan. | |
| Hobi abang Hana bermain gitar. | |
| Ibu sedang menyiram pokok bunga. | |
| Ayah Hana menanam pokok bunga. | |

Disemak oleh:.................................

## SENI BAHASA

**Isi tempat kosong dengan simpulan bahasa yang betul.** SP4.1.1(i)

| buah tangan | makan angin | pening lalat | rambang mata |
|---|---|---|---|



Hana : Wah, seronoknya ______________ di Pulau Langkawi! Pemandangannya sangat indah.

Ayah : Pulau Langkawi merupakan pusat pelancongan yang amat terkenal di Malaysia.




Ibu : Ibu ______________ hendak memilih cenderamata yang dijual di kedai ini.

Hana : Benar, ibu. Cenderamata di kedai ini cantik-cantik.



Hana : Kakak, saya berasa ______________ selepas menaiki bot tadi.

Kakak : Kamu ini mesti mabuk laut.




Hana : Kami beli ______________ untuk kamu dan keluarga semasa bercuti di Pulau Langkawi.

Alia : Terima kasih, Hana.

Disemak oleh:..................................

## TATABAHASA

**A** **Lengkapkan ayat dengan kata nama khas yang betul berdasarkan jadual di bawah.** SP5.1.1(ii)

**Biodata Hana**

| | |
|---|---|
| **Nama penuh** | Hana binti Mazlan |
| **Umur** | 8 Tahun |
| **Tarikh lahir dan Tempat lahir** | 25 Januari 2010 di Hospital Sungai Buloh |
| **Sekolah** | Sekolah Kebangsaan Taman Impian |
| **Nama ayah dan ibu** | Mazlan bin Musa dan Hazirah binti Ismail |
| **Haiwan peliharaan** | Si Tompok |

Nama penuh Hana ialah (1) ____________________________. Dia berumur lapan tahun. Dia dilahirkan pada 25 Januari 2010 di (2) ____________________________. Dia bersekolah di (3) ____________________________. Nama ayah Hana ialah (4) ____________________________ manakala nama ibu Hana ialah (5) ____________________________. Hana memelihara seekor kucing yang bernama (6) ____________________________.

**B** **Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang sesuai.** SP5.1.1(iii)

| | | | |
|---|---|---|---|
| kita | kami | beliau | saya |

1. "________________ sangat rindu akan nenek dan datuk," kata Adib dan adiknya.
2. "________________ suka makan pucuk paku masak lemak yang dimasak oleh nenek," kata Laila.

Disemak oleh:.................................




# CERITA KELUARGA

**A** **Baca petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Kemudian, jawab soalan.** S.P 2.1.1(iii) & (iv)



Pada cuti sekolah yang lepas, Halim dan keluarga pergi bercuti di Pulau Pinang. Mereka menginap di Hotel Feringgi selama tiga hari.

Halim sangat gembira menghabiskan masa dengan keluarga. Mereka melawat Bukit Bendera, Pagoda dan Tokong Ular.

Terdapat banyak makanan tempatan di Pulau Pinang. Makanan tersebut amat sedap. Ayah Halim berjanji akan membawa mereka ke sana pada masa akan datang.

1 Di manakah Halim dan keluarga bercuti?

______________________________

2 Berapa lamakah mereka menginap di Hotel Feringgi?

______________________________

3 Apakah janji ayah Halim terhadap keluarga?

______________________________

______________________________

**B** **Teliti gambar. Kemudian, bina ayat dalam bentuk perenggan.**

S.P 3.1.1(iii)



1 Danish • Najib • mandi • pelampung.
Adik • kakak • istana pasir • tepi pantai.

2 Ibu • menyediakan makanan.
Ayah • surat khabar • bawah pokok.
Nenek • datuk • berbual-bual • ketawa.

## C Isi tempat kosong dengan simpulan bahasa. S.P 4.1.1(i)

berkaki ayam | makan angin | kaki bangku | anak tunggal | buta huruf

1 Soo Mei dan keluarga ________________ di Pulau Pangkor.

2 Kaki Hamdan cedera kerana dia selalu ________________.

3 Ramli yang ________________ tidak dapat membaca petikan itu.

4 Tendangan Jamal yang kuat itu tidak kena sasaran gol kerana dia ________________.

5 Amirul sangat dimanjakan oleh ibu dan ayah kerana dia ________________.

## D Tulis kata nama khas yang betul. S.P 5.1.1(ii)

Laksa Bandung | Puan Chan Ee Ling | Doktor Kuldip | Si Tompok | Dewan Sri Pinang

1 Datuk saya membela seekor kucing bernama ________________.

2 Majlis itu diadakan di ________________.

3 ________________ merupakan makanan terkenal di kampung itu.

4 Saya menerima angpau daripada ________________.

5 ________________ memakai sut punjabi berwarna kelabu.

## E Gariskan kata ganti nama diri yang betul. S.P 5.1.1(iii)

1 

(Dia, Kita) hendaklah belajar dengan tekun.

2 

Sebelum ke sekolah, (saya, mereka) bersalam dengan ibu dan ayah.

3 

Bagaimanakah keadaan (saya, kamu) sekarang?

4 

(Dia, Mereka) ialah abang saya.

5 

(Kamu, Kami) berjanji akan mematuhi peraturan sekolah.

6 

Hisham ialah jiran Rajen. (Saya, Mereka) bersekolah bersama-sama sejak kecil.




# KELUARGA BERHEMAH

## A Baca petikan. Kemudian, tulis dan baca ayat majmuk. S.P 1.1.1(iii)

Adeeb mempunyai seorang sepupu yang sebaya dengannya. Nama sepupu Adeeb ialah Iqbal. Iqbal tinggal di Kuching, Sarawak. Adeeb melawat Iqbal pada setiap cuti sekolah. Iqbal seorang murid yang rajin dan pintar. Dia sering mendapat tempat pertama dalam peperiksaan. Walaupun anak tunggal, Iqbal tidak pernah bermewah-mewahan dan berlebih-lebihan. Dia sentiasa mengamalkan nilai-nilai baik dalam diri.

| **Ayat Majmuk** | Ayat Majmuk 1 | Ayat Majmuk 2 |
|---|---|---|
| **Jawapan** | ____________________ | ____________________ |
| | ____________________ | ____________________ |

## B Nomborkan ayat mengikut urutan. Kemudian, tulis dalam petikan dengan kemas. S.P 3.1.1(iv)

| | |
|---|---|
| Semua masakan mak usu sangat sedap. ◯ | Hobi mak usu ialah memasak. ◯ |
| Mak usu ialah ibu saudara Anis. ◯ | Banyak orang menempah makanan daripada mak usu. ◯ |
| Mak usu bercita-cita ingin membuka sebuah restoran. ◯ | Mak usu belajar memasak daripada seorang cef. ◯ |

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

## C Lengkapkan ayat dengan bandingan semacam. S.P 4.1.1(ii)

| rajin macam semut | manis macam madu | merah macam biji saga |
| kurus macam lidi | besar macam gajah | |

1 Kuih yang dimasak oleh kakak itu ____________.

2 Pak Cik Rahman ____________ kerana sentiasa bekerja siang dan malam.

3 Khalid tidak mampu mendaki bukit itu kerana badannya ____________.

4 Model wanita yang popular itu ____________.

5 Baju yang baru dibeli itu berwarna ____________.

## D Lengkapkan ayat dengan penjodoh bilangan. S.P 5.1.1(iv)

1 Pak Mail mengembala ________ kerbau.

2 Amira makan ________ durian sahaja.

3 Marina membeli ________ kasut.

4 Nelayan itu menggunakan ________ jala untuk menangkap ikan.

5 Puan Aminah membeli lima ________ petai di pasar.

## E Isi tempat kosong dengan kata ganti nama yang betul. S.P 5.1.1(i) (ii) & (iii)

| mereka | Dia | beliau | nya |

Haliza sedang melayari Internet menggunakan komputer riba (1) ____________. (2) ____________ diberi tugas oleh Cikgu Kamala untuk mencari maklumat tentang Datuk Misbun Sidek. (3) ____________ merupakan tokoh sukan negara. Haliza meminta pertolongan Gan dan Ros. Akhirnya, (4) ____________ bersetuju menolong Haliza.

Hari: ______________ Tarikh: ______________

Tema 1 Kekeluargaan

# UNIT 3 Keluarga Berhemah

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 13 – 20

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Sebut dan susun ayat majmuk berdasarkan gambar. SP1.1.1(iii)




| | |
|---|---|
| Alia dan kakaknya mengemas bilik bacaan sambil mendengar radio. | |
| Selepas itu, Alia mengambil buku cerita yang sudah dibalut lalu menyusunnya di rak dengan rapi. | |
| Alia masuk ke bilik bacaan untuk membantu kakaknya mengemas bilik bacaan itu. | |
| Sebelum menyusun buku, Alia mengelap rak buku supaya bersih dan tidak berhabuk. | |

Disemak oleh:..................................

## KEMAHIRAN MEMBACA

**Baca ayat. Kemudian, tulis pada gambar yang betul.** SP2.1.2(i)(ii)

- Kakak membantu ibu melipat pakaian.
- Keluarga Alia menikmati makan malam bersama-sama.
- Adib menggantung baju sekolahnya di dalam almari dengan rapi.
- Alia dan adik-beradiknya membuat kerja sekolah di bilik bacaan.

1.


______________________________
______________________________
______________________________

2.


______________________________
______________________________
______________________________

3.


______________________________
______________________________
______________________________

4.


______________________________
______________________________
______________________________

Disemak oleh:..................................

## KEMAHIRAN MENULIS

**Salin petikan di bawah dengan kemas.** SP3.1.1(iv)

Alia dan keluarganya menziarahi keluarga Pak Usu. Pak Usu tinggal di Klang. Apabila tiba di sana, Alia dan adik-beradiknya bersalam dengan Pak Usu sekeluarga dan bertanya khabar.

Mak Usu menjemput mereka sekeluarga duduk di ruang tamu. Mereka duduk dengan tertib. Mereka berbual mesra sambil bergurau senda.

Selepas itu, Mak Usu menjemput Alia dan keluarganya makan tengah hari. Mak Usu menyediakan pelbagai jenis lauk yang enak. Alia dan adik-beradiknya makan dengan sopan. Selepas makan, Alia dan kakak membantu Mak Usu mengemas.

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

## TATABAHASA

**Isi tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang betul.** SP5.1.1(iv)

1. Ibu meletakkan beberapa ____________ sate ayam di dalam pinggan. ( bilah, cucuk )
2. Kami menghadiahi ibu se ____________ bunga semasa Hari Ibu. ( jambak, tangkai )
3. Adik sedang makan se ____________ kek. ( ketul, potong )
4. Alia meletakkan beberapa ____________ lilin di atas kek. ( batang, buah )

Disemak oleh:.................................

Hari: ____________ Tarikh: ____________

Tema 2 Perpaduan

# UNIT 4 Sahabat Karib

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 21 – 26

## KEMAHIRAN MEMBACA

**Baca petikan. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

SP2.1.2(iii)(iv)

Semasa berjalan ke kantin, Aina ternampak Hanim duduk seorang diri di tepi kolam ikan. Hanim rakan sekelas Aina. Aina segera menegur Hanim.

Wajah Hanim kelihatan sedih. Hanim memberitahu Aina bahawa dia tertinggal wang saku di rumah. Dia tidak mempunyai wang untuk membeli makanan di kantin.

Aina berasa kasihan akan Hanim. Aina membawa bekal nasi goreng pada hari itu. Aina mengajak Hanim makan bersama-samanya. Lagipun, nasi goreng yang dibawa oleh Aina agak banyak. Cukup untuk mereka makan berdua.

Hanim berasa gembira. Wajahnya yang sedih menjadi ceria. Hanim mengucapkan terima kasih kepada Aina. Aina rakan yang baik hati.

Kemudian, mereka pun pergi ke kantin. Mereka duduk di meja yang bersih. Mereka makan bersama rakan-rakan yang lain.

1. Mengapakah Hanim kelihatan sedih?

   ______________________________

2. Siapakah yang berkongsi makanan dengan Hanim?

   ______________________________

3. Apakah makanan yang dibawa oleh Aina?

   ______________________________

4. Nyatakan nilai yang terdapat dalam petikan ini.

   ______________________________

Disemak oleh:..............................

# KEMAHIRAN MENULIS

**Lengkapkan suku kata menjadi perkataan. Kemudian, bina frasa berdasarkan perkataan dan gambar.** SP3.2.1(i)(ii)




| 1. Perkataan | 2. Frasa |
|---|---|
| (a) me + ___ = ___________ | (a) ___________ |
| (b) ___ + ku = ___________ | (b) ___________ |
| (c) pos + ___ = ___________ | (c) ___________ |
| (d) ___ + kap = ___________ | (d) ___________ |
| (e) lang + ___ = ___________ | (e) ___________ |
| (f) ke + ru + ___ = ___________ | (f) ___________ |

Disemak oleh:.................................

## TATABAHASA

**Bina ayat dengan menggunakan kata kerja aktif transitif berdasarkan gambar.** SP5.1.2(i) KBAT : Mencipta





menunggang

______________________________

______________________________

______________________________





mengelak

______________________________

______________________________

______________________________





mengerang

______________________________

______________________________

______________________________





membantu

______________________________

______________________________

______________________________

Disemak oleh:..................................






# SAHABAT KARIB

## A Baca teks. Kemudian, jawab soalan. S.P 2.1.2(iii) & (iv)



Nama rakan Danish ialah Najib. Mereka tinggal berjiran di Mantin. Mereka membuat latihan dan mengulang kaji pelajaran di rumah Danish. Setiap petang, mereka bermain basikal bersama-sama.

Nama bapa Najib ialah Encik Nasrul. Bapa Najib bekerja di sekolah sebagai seorang kerani. Bapa Najib pulang dari tempat kerja pada pukul 4.00 petang.

1 Siapakah nama kawan Danish?

______________________________

2 Di manakah Najib tinggal?

______________________________

3 Apakah pekerjaan bapa Najib?

______________________________

4 Apakah yang dilakukan oleh mereka pada setiap petang?

______________________________

5 Pada pukul berapa bapa Danish pulang dari tempat kerja?

______________________________

6 Apakah kebaikan mengulang kaji pelajaran secara berkumpulan?

______________________________

## B Tulis frasa berdasarkan gambar. Kemudian, susun cerita mengikut urutan.

S.P 3.2.1(i) & (ii)













Haikal dan Farid membaca buku yang dibeli itu.

Haikal dan Farid memilih buku cerita yang dijual di kedai buku.

Haikal dan Farid membayar harga buku itu di kaunter pembayaran.

Haikal dan Farid menuju ke kedai buku dengan menunggang basikal.

## C Tulis perumpamaan yang sesuai berdasarkan gambar. S.P 4.1.1(iii)

- bagai isi dengan kuku
- bagai tikus membaiki labu
- bagai aur dengan tebing
- bagai kacang lupakan kulit
- bagai anjing dengan kucing

1 

Amin dan Rosli sentiasa bergaduh setiap kali bertemu.

______________________________

2 

Raju cuba membaiki televisyen yang rosak, tetapi menjadi lebih teruk.

______________________________

3 

Salmah dan Salmi berkawan baik, mereka sentiasa bersama-sama.

______________________________

4 

Pemuda itu tidak pulang ke kampung menjenguk kedua-dua orang tuanya.

______________________________

5 

Penduduk di kampung terpencil itu hidup saling membantu.

______________________________

## D Isi tempat kosong dengan kata kerja yang tepat. S.P 5.1.2(i)

| | | | |
|---|---|---|---|
| bermain | bertunang | pergi | bersiar-siar |
| menyiapkan | mengejar | minum | berpusing |

1 Kipas angin itu __________ ligat.

2 Chia dan Wendy __________ di taman.

3 Datuk saya __________ air kosong.

4 Pak Cik Robinson __________ pencuri itu.

5 Sepupu Vijay __________ kerja sekolah.

6 Emak dan ayah __________ ke pasar.

7 Kakak saya akan __________ pada minggu hadapan.

8 Sahrum dan Hafiz __________ catur.

## E Suai padan ayat dengan kata kerja. S.P 5.1.2(i)

| | | |
|---|---|---|
| 1 Setiap hari, Tamrin ________ pada pukul enam pagi. | | pergi |
| 2 Selepas ________, Tamrin segera memakai uniform sekolah. | | bantu |
| 3 Sebelum ke sekolah, Tamrin akan ________ sekeping roti. | | minum |
| 4 Dia juga gemar ________ segelas susu. | | bangun |
| 5 Tamrin selalu ________ ke sekolah bersama-sama rakan. | | makan |
| 6 Tamrin berjanji akan ________ bersungguh-sungguh. | | mandi |
| 7 Tamrin akan ________ rakan-rakan dalam kesusahan. | | tunggang |
| 8 Basikal yang Tamrin ________ sangat bersih. | | belajar |




# HIDUP BERJIRAN

**A** Baca iklan. Kemudian, lengkapkan ayat. S.P 2.2.1(i)

## HARI KELUARGA PENDUDUK TAMAN BEDENA

"Jiran Muafakat Hidup Sejahtera"

**Tarikh** : 14 Februari 2021

**Hari** : Ahad

**Masa** : 8.00 pagi hingga 2.00 petang

**Aktiviti** : Ucapan pengerusi
Senamrobik
Sukaneka
Cabutan bertuah
Jamuan



Pada hari **(1)** ________________ yang lepas, bersamaan **(2)** ________________, penduduk **(3)** ________________ telah mengadakan **(4)** ________________. Acara bermula pada pukul **(5)** ____________ pagi hingga **(6)** ____________ petang. Banyak aktiviti telah dijalankan, iaitu **(7)** ________________, **(8)** ________________ dan **(9)** ________________. Slogan Hari Keluarga Penduduk Taman Bedena ialah **(10)** ________________.

## B Bina dan tulis ayat berdasarkan gambar. S.P 3.2.1(iii)



1 Penduduk Taman Bedena ingin mengadakan Gotong-royong Perdana.

2 Mereka bermesyuarat untuk mengagihkan tugasan.



3 ______________________________

______________________________

4 ______________________________

______________________________



5 ______________________________

______________________________

6 ______________________________

______________________________



7 Selepas bergotong-royong, mereka menjamu selera.

8 Pelbagai hidangan yang enak disediakan untuk mereka.

## C Lengkapkan pantun. S.P 4.2.1(i)

suka membantu | baik hati | bekerjasama | hidup aman

1

Pagi-pagi ke rumah Nita,
Pergi seorang tidak berteman;
Hormat-menghormati amalan kita,
Rakyat muhibah ______________.

2

Malam hari kelihatan bulan,
Melihat bulan di atas batu;
Danish banyak rakan dan taulan,
Kerana dia ______________.

3

Kayu di hutan kayu jati,
Mencari pula di tengah denai;
Jika kita ______________,
Jiran suka rakan pun ramai.

4

Cantik sungguh rama-rama,
Terbang hinggap di tepi desa;
Mari kita ______________,
Rumah bersih, hidup selesa.

## D Lengkapkan ayat dengan kata kerja pasif yang sesuai. S.P 5.1.2(ii)

diasah | dibeli | ditebang | ditangkap | dibantu | dihubungi | dibancuh

1 Pokok itu ____________ oleh Pak Cik Mail.

2 Payung biru itu ____________ oleh Encik Ramu.

3 Puan Rahimah ____________ oleh kanak-kanak itu.

4 Pensel warna yang tumpul itu ____________ oleh adik.

5 Air laici itu ____________ untuk dihidangkan kepada tetamu.

6 Harimau kumbang itu berjaya ____________ oleh renjer jabatan hutan.

7 Pihak bomba telah ____________ untuk membantu mangsa kemalangan.

## E Tandakan (✓) pada kata adjektif yang sesuai. S.P 5.1.3(i)

1 Kulit bayi itu sangat ____________.

| halus | | kasar | | bersih | |
|---|---|---|---|---|---|

2 Tilam yang dibeli oleh ibu ____________.

| empuk | | lembut | | wangi | |
|---|---|---|---|---|---|

3 Kek hari lahir yang dibuat oleh ibu itu sangat ____________.

| busuk | | halus | | gebu | |
|---|---|---|---|---|---|

4 Puan Rufinah membeli sepasang baju kebaya yang sangat ______.

| garang | | cerah | | mahal | |
|---|---|---|---|---|---|

5 Kereta yang bergerak ____________ itu kelihatan sangat menarik.

| halus | | kasar | | laju | |
|---|---|---|---|---|---|

Hari: ______________ Tarikh: ______________

Tema 2 Perpaduan

# UNIT 5 Hidup Berjiran

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 27 – 32

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

**Berikan respons terhadap suruhan.** SP1.1.2(ii)







Disemak oleh:.................................

## Kemahiran Menulis

**Bina ayat berdasarkan gambar dan perkataan yang diberikan.**

SP3.2.1(iii)

1.



Aiman – memanjat – Encik Wong

_______________________________________

_______________________________________

_______________________________________

2.



ayah – menelefon – melaporkan

_______________________________________

_______________________________________

_______________________________________

3.




polis – menangkap – merompak

_______________________________________

_______________________________________

_______________________________________

4.



mengucapkan – menjaga – rumahnya

_______________________________________

_______________________________________

_______________________________________

Disemak oleh:.....................................

## TATABAHASA

**A** **Bina ayat berdasarkan gambar dan kata kerja pasif yang diberikan.** SP5.1.2(ii)




1. ____________________
2. ____________________
3. ____________________
4. ____________________

**B** **Lengkapkan rajah dengan kata adjektif sifat yang terdapat dalam petikan di bawah.** SP5.1.3(i) i-Think

Pada petang itu, cuaca sangat cerah. Hazim dan rakan-rakannya beriadah di taman permainan Taman Murni. Hazim dan rakan-rakannya bermain bola sepak. Mereka pandai bermain bola sepak. Mereka memakai kasut bola supaya dapat bermain dengan selesa. Hana, Lee Wah, dan Anjali pula bermain batu seremban. Mereka duduk di bawah pohon yang rendang. Suasana di situ sangat redup. Mereka bermain dengan gembira.

Kata Adjektif Sifat

1. ____________________
2. ____________________
3. ____________________
4. ____________________
5. ____________________

Disemak oleh:..................................

Hari: ______________ Tarikh: ______________

Tema 2 Perpaduan

# UNIT 6 Sepakat Membawa Berkat

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 33 – 42

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

**Berikan respons terhadap pesanan.** SP1.1.2(ii)







Disemak oleh:..................................

## KEMAHIRAN MEMBACA

**Baca petikan di bawah. Kemudian, catat isi tersurat daripada setiap perenggan.** SP2.2.1(ii)

Encik Jalil mengadakan mesyuarat dengan penduduk Taman Murni. Mereka sepakat untuk mengadakan sambutan Hari Keluarga. Sambutan itu akan diadakan di padang Taman Murni. Sambutan ini akan melibatkan semua penduduk.

Encik Jalil membahagikan tugas kepada ahli jawatankuasa. Beliau mahu memastikan persiapan sambutan Hari Keluarga dapat berjalan dengan lancar. Hal yang demikian kerana sambutan ini julung-julung kali diadakan.

Puan Hamidah menyenaraikan aktiviti-aktiviti menarik yang akan diadakan. Antara aktiviti tersebut adalah sukaneka, pertandingan memasak, dan tarik tali. Aktiviti-aktiviti ini boleh disertai oleh ibu bapa dan anak-anak.

Sambutan Hari Keluarga ini dapat memupuk semangat bersatu padu. Melalui sambutan ini, penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum dapat bekerjasama untuk menjayakan sambutan Hari Keluarga ini.

**Isi Tersurat**

| | |
|---|---|
| 1. Perenggan pertama | |
| 2. Perenggan kedua | |
| 3. Perenggan ketiga | |
| 4. Perenggan keempat | |

Disemak oleh:..................................

## TATABAHASA

**Senaraikan kata adjektif warna dan ukuran dengan betul.**

SP5.1.3(ii)(iii) KBAT : Menganalisis

Izat dan rakan-rakannya sangat rajin. Mereka bekerjasama untuk membersihkan dan menceriakan perpustakaan mini Taman Murni.

Izat dan Kumar mengecat rak buku dengan warna putih dan ungu. Fadzil dan Ming pula mengecat rak kamus dan surat khabar dengan warna biru dan kuning. Mereka menggunakan pelbagai warna untuk menceriakan perpustakaan mini itu.

Setelah cat pada rak-rak itu kering, Maya dan Aisya menyusun buku cerita dan kamus-kamus yang tebal itu di rak. Mereka juga mengasingkan buku-buku yang telah rosak untuk dikitar semula. Danial mengelap almari yang tinggi itu untuk menghilangkan habuk. Chun Hong pula mengelap meja dan kerusi panjang di sudut bacaan.

Selepas itu, Meena mengalas meja dengan kain nipis yang bercorak bunga. Corak bunga itu berwarna merah jambu. Kemudian, Meena meletakkan pasu bunga hiasan yang kecil di tengah-tengah meja itu.

| 1. Kata Adjektif Warna | 2. Kata Adjektif Ukuran |
|---|---|
| (a) ______________ | (a) ______________ |
| (b) ______________ | (b) ______________ |
| (c) ______________ | (c) ______________ |
| (d) ______________ | (d) ______________ |
| (e) ______________ | (e) ______________ |

Disemak oleh:..................................






# SEPAKAT MEMBAWA BERKAT

**A** **Baca petikan. Kemudian, kenal pasti isi tersurat.** S.P 2.2.1(ii)

Semalam Encik Jimmy telah dimasukkan ke hospital. Beliau dijangkiti penyakit demam denggi. Doktor menyatakan punca demam denggi ialah nyamuk Aedes. Oleh itu, penduduk kampung telah bersepakat untuk mengadakan gotong-royong.

____________________________________________

____________________________________________

Mereka telah bekerjasama membersihkan kawasan sekitar kampung. Tujuannya adalah untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Nyamuk Aedes suka membiak di kawasan air bertakung. Contohnya, pasu bunga, tayar, tin dan sebagainya.

____________________________________________

____________________________________________

**B** **Fahami jadual. Kemudian, tulis ulasan dalam bentuk perenggan.** S.P 3.2.1(iv)

| Nama | Tugas |
|---|---|
| Hamzah |  |
| Danish |  |

| Nama | Tugas |
|---|---|
| Siong |  |
| Damia |  |

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

## C Tandakan ✓ bagi kata adjektif yang betul. S.P 5.1.3(ii) & (iii)

1 Wanita itu memakai sari berwarna ________.

merah ☐ lembut ☐ halus ☐

2 Jalur Gemilang berkibar di langit ________.

kuning ☐ biru ☐ hijau ☐

3 Bangunan yang ________ itu terbakar semalam.

panjang ☐ pendek ☐ tinggi ☐

4 Abang membawa pulang buku-buku yang ________ dari universiti.

besar ☐ tebal ☐ halus ☐

5 Encik Rahman berambut ________.

cantik ☐ segak ☐ panjang ☐

## D Tukarkan kata kerja aktif kepada kata kerja pasif. S.P 5.1.2(i) & (ii)

1 Asrul melukis gambar haiwan liar.

________________________________________

2 Pak Cik Halim menebang pokok kelapa.

________________________________________

3 Pihak bomba memadam api yang marak itu.

________________________________________

4 Cikgu Rahmat mengajar murid-murid Tahun Dua Jujur.

________________________________________

5 Ramli menconteng dinding sekolah itu.

________________________________________




# KEBERSIHAN BERMULA DARI RUMAH

## A Lengkapkan dialog. Kemudian, lakonkan. S.P 1.1.2(iv)

| | | | |
|---|---|---|---|
| menyokong | kolam ikan | bekerjasama | menyegarkan |
| menceriakan | bernas | mengindahkan | baiklah |

Najiha : Nazim, bagaimanakah cara-cara **(1)** _______________ kawasan rumah? Ayah kata kawasan rumah kita tidak cantik.

Nazim : Kita boleh menanam pokok bunga untuk mencantikkan kawasan halaman. Kita boleh menanam pokok bunga melur, mawar, matahari dan lain-lain. Bunga dapat **(2)** _______________ halaman rumah, malah dapat **(3)** _______________ udara.

Najiha : Cadangan kamu sungguh **(4)** _______________. Selain itu, kita juga boleh mengadakan aktiviti gotong-royong.

Nazim : Saya **(5)** _______________ cadangan kakak.

Najiha : Nazim, kakak akan cadangkan satu idea kepada ayah. Kita juga boleh membina **(6)** _______________.

Nazim : **(7)** _______________, kakak. Kakak sangat bijak. Ayah dan ibu pasti suka kalau kita **(8)** _______________ menceriakan kawasan rumah.

## B Baca petikan. Kemudian, jawab soalan. S.P 3.2.2(i) & (ii)



"Bolehkah saya makan buah anggur ini, ibu?" tanya Saleha kepada ibunya.

"Boleh, tetapi kamu perlu bersihkan tangan dahulu. Kamu baru sahaja bermain di taman permainan," pesan ibunya.

"Maaf, ibu. Saya terlupa saya baru bermain sebentar tadi. Tangan saya kotor."

"Baiklah. Basuh tangan sehingga bersih supaya kotoran hilang. Kemudian, basuh juga buah anggur itu."

"Baiklah, ibu," jawab Saleha. Patuh akan arahan ibunya. Lalu, membawa buah anggur ke singki untuk dibasuh.

1 Siapakah yang hendak makan buah anggur?

______________________________

2 Apakah nasihat ibu kepada Saleha?

______________________________

3 Mengapakah Saleha perlu membasuh tangan sebelum makan?

______________________________

4 Pada pendapat kamu, apakah yang bakal berlaku sekiranya Saleha tidak membasuh tangan dan buah anggur?

______________________________

## C Lengkapkan pantun dengan rima dan jeda yang betul.

S.P 4.2.1(ii)

| | |
|---|---|
| Kebersihan diri sangat berguna<br>Manusia semakin bertambah maju | Jika sabun bertambah hebat<br>Gunakan pula untuk kebersihan |

Ciptaan sabun untuk manusia
Kerja mandi menjadi mudah

**1**
Negara kita namanya Malaysia,
Malaysia aman sungguh indah;
______________________________,
______________________________.

**2**
Pagi-pagi ke rumah Nona,
Pergi ke sana meminjam baju;
______________________________,
______________________________.

**3**
Buah rambutan sungguh lebat,
Warnanya merah sedap dimakan;
______________________________,
______________________________.

## D Tulis kata adjektif yang betul.

| |
|---|
| manis |
| panjang |
| sejuk |
| tinggi |
| busuk |
| pedas |
| tajam |
| ungu |
| merah jambu |
| panas |

1 Rasa cili padi itu ______________.
2 Gula-gula kapas itu ______________ rasanya.
3 Belalai gajah sangat ______________.
4 Kulit durian sangat ______________.
5 Kulit manggis berwarna ______________ setelah matang.
6 Kulit saya melecur ketika terkena air ______________.
7 Johan memakai baju berlapis-lapis ketika cuaca ______________.
8 Gerabak ______________ adalah untuk penumpang wanita.
9 Bangunan menara Kuala Lumpur itu ______________.
10 Bau sampah sarap itu sungguh ______________.

Hari:_______________ Tarikh:_______________

Tema 3 Kebersihan dan Kesihatan

# UNIT 7 Kebersihan Bermula dari Rumah

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 44 – 48

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

**Berikan respons terhadap permintaan.** SP1.1.2(iv)

1.



Ibu : Hani, harap kamu kemas bilik tidur supaya bersih. Bilik tidur yang kotor tidak baik untuk kesihatan.

Hani : ________________________________

________________________________

2.



Hani : Boleh kakak bantu saya pasangkan cadar baharu ini?

Kakak : ________________________________

________________________________

3.



Ayah : Tolong buang bungkusan sampah itu ke dalam tong sampah supaya dapur tidak berbau busuk.

Alif : ________________________________

________________________________

Disemak oleh:..............................

## KEMAHIRAN MENULIS

**Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.** SP3.2.2(i)(ii)

"Bolehkah ibu tunjukkan saya cara-cara memberus gigi yang betul?" tanya Dania kepada ibunya.

"Boleh. Sebelum itu, ambil berus gigi kamu. Pastikan saiz berus gigi itu sesuai dengan kamu. Kemudian, letakkan ubat gigi pada berus gigi itu," kata ibu.

"Sekarang, kita boleh mula menggosok gigi," kata Dania sambil tersenyum.

"Mula-mula, letakkan berus gigi di permukaan gigi luar. Gerakkan berus dari gusi ke arah gigi. Ulang bagi setiap gigi. Selepas itu, berus setiap permukaan gigi dengan teknik seperti langkah satu. Kemudian, berus setiap permukaan gigi yang mengunyah. Untuk langkah keempat, gunakan hujung berus untuk memberus permukaan dalam gigi. Akhir sekali, berus permukaan lidah untuk mengelakkan nafas berbau.

1. Siapakah yang mengajar Dania cara-cara memberus gigi?

_______________________________________________

2. Apakah langkah ketiga memberus gigi?

_______________________________________________

_______________________________________________

3. Mengapakah kita perlu memberus permukaan lidah?

_______________________________________________

4. Nyatakan akibatnya jika kita tidak rajin memberus gigi? KBAT : Menilai

_______________________________________________

Disemak oleh:....................................

## SENI BAHASA

**Lengkapkan pantun di bawah.** SP4.2.1(ii) KBAT Menganalisis

Pergi ke pekan Kamunting,
Ingin mencari ikan tenggiri;
Menjaga kebersihan amat (1) ____________,
Jangan abaikan kebersihan (2) ____________.

Bawa baldi pergi perigi,
Sambil berjalan ternampak pelangi;
Rajin (3) ____________ dan gosok gigi,
Agar (4) ____________ segar dan wangi.

Kacang botor di atas laci,
Dibeli oleh Pak Mat di (5) ____________;
Peralatan (6) ____________ perlu dicuci,
Barulah selamat untuk digunakan.

| |
|---|
| badan |
| pekan |
| diri |
| penting |
| kotor |
| mandi |

## TATABAHASA

**Kenal pasti objek dan tulis bentuk objek berdasarkan gambar.**

SP5.1.3(iv)



| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Objek | 1. | 2. | 3. | 4. |
| Bentuk | 1. | 2. | 3. | 4. |

Disemak oleh:..................................

# UNIT 8 Jadikan Amalan

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 49 – 54

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

**Lengkapkan dialog berdasarkan maklumat yang diberikan.**

SP1.1.3(i)

**Panduan Menjaga Kesihatan Kuku**

- Pastikan kuku tangan dan kaki sentiasa pendek dan bersih.
- Jangan biarkan kuku panjang dan kotor. Kuku yang kotor mempunyai kuman.
- Jika kuku panjang, potong kuku dengan menggunakan pengetip kuku yang bersih.
- Elakkan tabiat menggigit kuku kerana boleh merosakkan kuku dan dijangkiti kuman.

Zahra : Ibu, saya ada terbaca panduan menjaga kesihatan kuku.

Ibu : Apakah perkara penting yang tercatat dalam panduan itu?

Zahra : Menurut panduan itu, kita hendaklah memastikan **(1)** ______________________. Jangan biarkan kuku panjang dan kotor kerana **(2)** ______________________.

Ibu : Bolehkah Zahra beritahu ibu cara-cara memotong kuku?

Zahra : Kita hendaklah memotong kuku dengan **(3)** ______________________ ______________________.

Ibu : Selain itu, apakah maklumat lain yang tercatat dalam panduan itu?

Zahra : Oh, ya! Kita juga perlu **(4)** ______________________ ______________________.

Disemak oleh:................................

## KEMAHIRAN MEMBACA

**Baca perenggan di bawah. Nyatakan idea utama.** SP2.2.1(iv)

1. Kita harus bijak memilih makanan yang baik dan seimbang. Makanan yang baik dan seimbang dapat menjamin kesihatan tubuh badan kita.

   → **Idea Utama**

   ______________________________

   ______________________________

2. Karbohidrat sangat penting untuk badan kita kerana dapat membekalkan tenaga. Antara sumber makanan yang mengandungi karbohidrat ialah nasi, roti, dan mi.

   → **Idea Utama**

   ______________________________

   ______________________________

3. Kita juga digalakkan makan sayur-sayuran dan buah-buahan. Sayur-sayuran dan buah-buahan baik untuk kesihatan kerana kaya dengan vitamin dan serat.

   → **Idea Utama**

   ______________________________

   ______________________________

4. Kita hendaklah mengelakkan makan makanan yang manis dan kurang berkhasiat. Makanan ini tidak baik untuk kesihatan kerana boleh menyebabkan kegemukan.

   → **Idea Utama**

   ______________________________

   ______________________________

Disemak oleh:..................................

# TATABAHASA

## A Bina ayat berdasarkan kata adjektif waktu dan gambar.

SP5.1.3(v)

1. 

awal

______________________________________________

______________________________________________

2. 

lewat

______________________________________________

______________________________________________

3. 

perlahan

______________________________________________

______________________________________________

## B Bina ayat menggunakan kata hubung. SP5.1.4(i)

dan | sambil | kerana

1. 

- Zahra menyertai kempen kesihatan.
- Keluarganya menyertai kempen kesihatan.

______________________________________________

2. 

- Mereka melihat pameran kesihatan.
- Mereka mendengar penerangan tentang makanan berkhasiat.

______________________________________________

3. 

- Mereka berasa sangat gembira.
- Mereka memperoleh banyak maklumat tentang kesihatan.

______________________________________________

Disemak oleh:..................................




# JADIKAN AMALAN

## A Lengkapkan dialog. Kemudian, lakonkan.

S.P 1.1.3(i)

### KESIHATAN GIGI

- makanan manis
- menggunakan glos
- memberus gigi
- pemeriksaan gigi
- mengeluarkan sisa makanan

Sonia : Mengapakah kakak berkumur selepas makan?

Tania : Kita perlu berkumur selepas makan untuk **(1)** ____________________ yang terlekat di celah gigi. Jika sisa makanan tidak dikeluarkan dari celah gigi, kuman akan membiak. Seterusnya, akan merosakkan gigi.

Sonia : Kakak, apakah cara lain untuk mengeluarkan sisa makanan?

Tania : Kita boleh **(2)** ____________________ untuk mengeluarkan sisa makanan.

Sonia : Baiklah, kakak. Selama ini, saya hanya tahu kita perlu **(3)** ____________________ sekurang-kurangnya dua kali sehari.

Tania : Betul, Tania. Oh, ya! Elakkan makan **(4)** ____________________. Selain itu, kita perlu membuat **(5)** ____________________ di klinik setiap enam bulan.



## B Lengkapkan pantun nasihat. Kemudian, lafazkan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

S.P 4.2.1(iii)

Buat baik berpada-pada
Buat jahat jangan sesekali

Turutlah kata ibu dan bapa
Takbur jangan sekali-kali

Jangan asyik suka meminjam
Alangkah baik beli sendiri

Jalan kaki dengan Dallas
Pergi majlis tari-menari

**1**

Saya pergi Bukit Mertajam,
Untuk makan nasi kenduri;
______________________________,
______________________________.

**3**

______________________________,
______________________________;
Jangan menjadi orang pemalas,
Kelak nanti binasa diri.

**2**

Segar rasanya air kelapa,
Diminum dengan Encik Razali;
______________________________,
______________________________.

**4**

Pergi kedai beli lada,
Diikat dengan seutas tali;
______________________________,
______________________________.

## C Isi tempat kosong dengan kata hubung.

S.P 5.1.4(i)

| di | ke | daripada | dari | untuk |
|---|---|---|---|---|

1 Shadi menjual durian ____________________ pasar tani.

2 Hatta berasal ____________________ Parit Maimon, Johor.

3 Jualan padi Encik Azim lebih banyak ______________ Encik Fauzi.

4 Rafeah hendak ____________________ bandar ____________________ menyimpan wang di bank.

*Bahasa Melayu Tahun 2*

## D Baca teks. Kemudian, senaraikan kata adjektif waktu. S.P 5.1.3(v)

**Jumaat, 17 September 2021**

Kami bangun awal pada hari kedua perkhemahan. Masing-masing tidak mahu lambat dalam menyertai aktiviti merentas hutan dan ikhtiar hidup. Walaupun cuaca pagi itu sangat sejuk, kami tidak mahu lewat walaupun satu minit.

Sebelum mendaki gunung, Cikgu Adam memberikan taklimat. Kami akur akan arahan Cikgu Adam agar tidak berlaku perkara tidak diingini. Kami segera mengangguk pantas mengakui tanda bersedia untuk merentas hutan. Pergerakan kami daripada perlahan makin lama makin pantas.

Kami gembira sepanjang aktiviti merentas hutan dan ikhtiar hidup. Kami tiba di tapak perkhemahan pada waktu petang. Selepas berehat sebentar, kami membersihkan diri untuk makan seterusnya melakukan aktiviti kebudayaan pada waktu malam.

Buku teks

Guru

**Kata Adjektif Waktu**

1 ________________

2 ________________

3 ________________

4 ________________

5 ________________

6 ________________

Rakan

*Bahasa Melayu Tahun 2*




# AKTIFKAN DIRI

**A** **Baca petikan. Kemudian, tulis idea utama dan idea sampingan.**

S.P 2.2.1(v)

Pakaian sukan yang sesuai dapat memberikan keselesaan. Malahan, membantu mengurangkan bahang panas dan rasa tidak selesa disebabkan peluh ketika bersukan.

Pilihlah baju dan seluar yang sesuai untuk bersukan. Contohnya, baju longgar untuk memudahkan pengudaraan ketika bersenam. Elakkan memakai pakaian kasual seperti seluar jean. Apabila memakai seluar jean, tubuh tidak dapat bergerak dengan selesa.

Di samping itu, kita hendaklah memilih kasut sukan yang sesuai. Setiap bentuk kaki berbeza dan ada sebahagiannya memerlukan bantuan tambahan seperti kusyen, alas tebal dan lain-lain. Sebelum membeli kasut sukan, minta nasihat daripada pekedai agar tidak memudaratkan kaki.

| Idea Utama | Idea Sampingan |
|---|---|
| Pakaian sukan yang sesuai dapat memberikan keselesaan | 1 ______________________ |
| Baju dan seluar sukan | 2 Baju longgar untuk memudahkan pengudaraan ketika bersenam di tempat terbuka<br>3 ______________________ |
| Kasut sukan | 4 ______________________<br>5 ______________________ |

## B Tandakan (✓) pada kata sendi nama yang betul. S.P 5.1.4(ii)

1 Pelari itu pengsan sebelum tiba ____________ garisan penamat.

| di | | dari | |
|---|---|---|---|

2 Pekerja asing itu amat rindu ____________ tanah airnya.

| oleh | | akan | |
|---|---|---|---|

3 ____________ hal ini, saya sedia memberikan bantuan.

| Dalam | | Daripada | |
|---|---|---|---|

4 Majlis itu dimulakan ____________ bacaan doa.

| oleh | | dengan | |
|---|---|---|---|

5 Dia duduk di situ ____________ tadi.

| sejak | | antara | |
|---|---|---|---|

6 Barang itu ada ____________ Ayob.

| di | | pada | |
|---|---|---|---|

7 Mereka berbincang ____________ mutu sukan negara.

| tentang | | demi | |
|---|---|---|---|

8 Kasut itu diperbuat ____________ kulit buaya.

| daripada | | dari | |
|---|---|---|---|

## C Isi tempat kosong dengan kata arah. S.P 5.1.4(iii)

| atas | dalam | bawah | tepi | belakang |
|---|---|---|---|---|

1 Kucing kesayangan adik tidur di ____________ katil.

2 Adik melambung bola ke ____________ pokok bunga.

3 Tolong letakkan buku ini di ____________ komputer riba itu.

4 Anak kucing itu terjatuh ke ____________ longkang.

5 Kanak-kanak itu mandi sungai di ____________ rumah datuk.

*Bahasa Melayu Tahun 2*

Hari: ____________ Tarikh: ____________



UNIT 9

# Aktifkan Diri

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 55 – 62

## KEMAHIRAN MEMBACA

**Baca petikan di bawah. Kemudian, nyatakan idea sampingan.**

SP2.2.1(v) KBAT Menganalisis

Aktiviti riadah merupakan aktiviti yang berfaedah. Aktiviti ini dapat menyihatkan dan mencergaskan badan kita.

Antara aktiviti riadah yang baik untuk kesihatan adalah berenang, bersenam, berjoging, berkelah, berkhemah, dan bersukan. Aktiviti ini boleh dilakukan di taman permainan, taman rekreasi, hutan lipur, dan pantai.

Banyak kebaikan yang akan diperoleh melalui aktiviti riadah ini. Aktiviti riadah dapat melancarkan peredaran darah di dalam badan kita. Aktiviti ini juga dapat mengurangkan berat badan dan mengelakkan risiko penyakit berbahaya seperti darah tinggi dan serangan jantung.

| Idea Utama | Idea Sampingan |
|---|---|
| 1. Aktiviti riadah ialah aktiviti yang berfaedah | ____________ |
| 2. Contoh aktiviti riadah dan tempat beriadah | (a) ____________ ____________<br>(b) ____________ ____________ |
| 3. Kebaikan aktiviti riadah | (a) ____________<br>(b) ____________<br>(c) ____________ |

Disemak oleh:..............................

## KEMAHIRAN MENULIS

**Catat maklumat berdasarkan petikan di bawah.** SP3.2.3 i-Think

Setiap hujung minggu, Raziq akan bermain badminton. Aktiviti itu dapat menyihatkan badannya. Selain itu, dia juga dapat mengisi masa lapangnya secara berfaedah.

Sebelum bermain badminton, Raziq akan minum air secukupnya. Dia juga melakukan aktiviti memanaskan badan untuk mengelakkan kecederaan semasa bermain.

Selepas itu, Raziq mengambil raket dan bulu tangkis lalu memeriksa alat permainan tersebut. Dia hendak memastikan alatan tersebut berada dalam keadaan yang baik. Kemudian, dia bermain dengan teknik yang betul. Raziq bergerak dengan pantas ketika bermain badminton.

Selepas bermain, Raziq melakukan aktiviti menyejukkan badan. Dia berehat dan minum air. Dia berasa sangat seronok bermain badminton. Dia berasa tubuhnya cergas selepas beriadah.

**Bermain Badminton**

| 1. Sebelum | 2. Semasa | 3. Selepas |
|---|---|---|
| (a) ______ | (a) ______ | (a) ______ |
| (b) ______ | (b) ______ | (b) ______ |

Disemak oleh:..................................

# TATABAHASA

## A Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang betul.

SP5.1.4(ii)

| dari | di | kepada | ke | pada |
|---|---|---|---|---|

1. Izara dan ibunya baru pulang __________ Klinik Pergigian Doktor Siva.
2. Vijay dan rakan-rakannya sedang bermain kasut roda __________ taman permainan.
3. Abang mengucapkan terima kasih __________ Daniel kerana membantunya mencuci basikal.
4. Setiap hari Sabtu dan Ahad, Sharmila dan keluarganya akan pergi __________ taman rekreasi untuk berjoging.
5. Saya sekeluarga akan berkelah di Pantai Port Dickson __________ hujung minggu ini.

## B Isi tempat kosong dengan kata arah yang betul.

SP5.1.4(iii)

| bawah | tengah | hadapan | belakang | dalam |
|---|---|---|---|---|

1. Wei Kian dan rakan-rakannya sedang bermain bola sepak di __________ padang.
2. Ameena menggantung baju-baju itu di __________ almari dengan rapi.
3. Ihsan dan keluarganya sedang berkebun di kebun sayur yang terletak di __________ rumah mereka.
4. Kumpulan Syamil sedang membentangkan tugasan tentang cara-cara menjaga kesihatan diri di __________ kelas.
5. Kakak menyapu dan mengemop lantai di bahagian __________ katil yang berhabuk itu.

Disemak oleh:..................................

# UNIT 10 Uniknya Budaya Kita

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 64 – 68

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Lengkapkan dialog di bawah. Kemudian, tuturkan. SP1.2.1

**Tarian Zapin**



- tarian tradisional Melayu yang terkenal di negeri Johor
- ditarikan oleh penari lelaki dan wanita secara berkumpulan
- diiringi alat muzik gambus, rebana, gendang, rebab, dan marakas
- tarian ini dipersembahkan semasa majlis keramaian

Aina : Saya pernah menyaksikan (1) ____________. Pergerakan tarian ini sangat rancak dan menghiburkan.

Asyraf : Tarian itu terkenal di negeri mana, Aina?

Aina : Tarian ini (2) ____________, Asyraf.

Asyraf : Bagaimanakah tarian ini ditarikan?

Aina : Tarian ini ditarikan oleh (3) ____________ ____________.

Asyraf : Apakah alat muzik yang digunakan untuk mengiringi persembahan tarian zapin ini?

Aina : Alat muzik yang digunakan ialah (4) ____________ ____________.

Asyraf : Bilakah tarian ini dipersembahkan?

Aina : Biasanya, tarian ini (5) ____________ ____________.

Disemak oleh:..................................

## KEMAHIRAN MEMBACA

**Baca petikan di bawah. Kemudian, lengkapkan maklumat.**

SP2.2.1(vi) i-Think

### Songket

Songket ialah sejenis kain yang ditenun dengan mesin tradisional. Kain songket ditenun dengan menggunakan benang emas atau perak. Dahulu, kain songket dipakai oleh golongan bangsawan sahaja. Kini, kain songket digunakan untuk membuat pakaian, kraf tangan, dan perhiasan yang menarik.

Kain songket menggunakan corak susunan bunga penuh, susunan bunga berterabur, dan susunan bercorak. Motif yang digunakan pula ialah motif tumbuh-tumbuhan, binatang, dan unsur alam.

**Songket**

| 1. Bahan | 2. Corak | 3. Kegunaan |
|---|---|---|
| ______________ | ______________ | ______________ |
| ______________ | ______________ | ______________ |

## TATABAHASA

**Isi tempat kosong dengan kata tanya yang paling sesuai.**

SP5.1.4(iv)

Apa | Mana | Siapa | berapa

1. ____________kah nama pakaian tradisional itu?
   Nama pakaian tradisional itu ialah ceongsam.

2. ____________kah yang biasa memakai sari?
   Kaum wanita India yang biasa memakai sari.

Disemak oleh:..................................




# UNIKNYA BUDAYA KITA

## A Baca petikan. Kemudian, lengkapkan rajah. S.P 2.2.1(iv)

Permainan wau amat digemari oleh penduduk kampung. Permainan ini dimainkan sejak kurun ke-15. Wau masih dimainkan di Kelantan, di Terengganu, di Kedah dan di Perlis.

Wau dicipta dalam pelbagai bentuk. Setiap wau mempunyai nama tersendiri. Contohnya, wau burung, wau pari, wau katak, wau bayan, wau merak, wau kucing, wau jala budi, wau lenggang kebayan dan wau sewah. Namun, wau bulan sangat digemari oleh orang Melayu.

Rekaan corak bermotifkan awan larat akan menghiasi kebanyakan wau. Wau diwarnakan dengan pelbagai warna. Selain dijadikan bahan permainan, wau juga menjadi hasil kraf tangan dan hiasan dinding.

Digemari penduduk kampung

+

Dimainkan di Kelantan,
di Terengganu, di Kedah dan di Perlis

+

Nama wau:

**(1)** ____________________

+

Bermotifkan **(2)** ____________________ dan diwarnakan dengan **(3)** ____________________.

+

Menjadi kraf tangan dan **(4)** ____________________.

=

Apakah tajuk yang sesuai berdasarkan petikan ini?

**(5)** ____________________

## B Isi tempat kosong dengan perkataan atau frasa yang sesuai.

S.P 3.2.4(i) & (ii)

1 

Santi berbangsa ____________. Dia memakai ____________. Dia menyambut perayaan ____________. Dia beragama ____________.

2 

Sazali berbangsa ____________. Dia memakai ____________. Dia menyambut perayaan ____________. Dia beragama ____________.

3 

Mei Hua berbangsa ____________. Dia memakai ____________. Dia menyambut perayaan ____________. Dia beragama ____________.

## C Gariskan kata tanya yang betul.

S.P 5.1.4(iv)

1 (Siapakah/ Apakah) yang mengambil pakaian itu?

2 (Berapakah/ Mengapakah) dia selalu merajuk?

3 (Bagaimanakah/ Di manakah) mewujudkan keluarga bahagia?

4 (Siapakah/ Berapakah) jumlah duit tabung kamu?

5 (Di manakah/ Apakah) pertandingan itu dijalankan?

6 (Bagaimanakah/ Apakah) nama bendera kita?

7 (Benarkah/ Berapakah) rambut kamu perang keemasan?

# UNIT 11 KESENIAN DIHARGAI

**A Baca maklumat. Kemudian, lengkapkan dialog.** S.P 1.2.2

### Rumah Melaka



- Bentuk bumbung panjang.
- Pada bentuk bumbung terdapat unsur seni bina Bugis, Jambi, Riau dan Minangkabau.
- Tangga batu yang bersalut jubin memperlihatkan pengaruh seni bina Cina.
- Rumah Melaka mempunyai tiga jenis, yang terkecil dinamakan rumah bujang. Jenis sederhana dinamakan rumah berbandung dua. Ketiga, rumah berbandung tiga.
- Tingkap juga sebahagian dinding yang boleh dibuka dan ditutup.

Aina, ini rumah apa?

Ini (1) ______________.

Apakah unsur seni bina yang digambarkan pada bentuk bumbung rumah?

Terdapat unsur seni bina (2) ______________, (3) ______________, (4) ______________ dan (5) ______________.

Pada pendapat kamu, mengapakah tingkap dan sebahagian dinding boleh dibuka dan ditutup?

Pada pendapat saya, tingkap dan sebahagian dinding boleh dibuka dan ditutup agar (6) ______________ ______________ dan (7) ______________ ______________.





## B Salin semula petikan dengan ejaan yang betul. S.P 3.2.4 (iii)

Kavita seorang penari tarian kelasik india. Tarian kelasik india ini dikenal sebagai Bharata Natyam. Kavita meminat tarian ini sejak kecik. Ibu Kavitha juga seorang penari tarian kelasik ini. Mereka bersama-sama berlatih menari apabila ada masa lepang. Kawan-kawan Kavitha juga suka dan menhargai tarien tersebut.

## C Tandakan (✓) bagi kata kerja aktif yang betul dan (×) bagi kata kerja aktif yang salah. S.P 5.1.2(i)

1



(i) Doktor Linda sedang merawat pesakit. ☐

(ii) Doktor Linda sedang mencuci pesakit. ☐

2



(i) Encik Rajasingam memakai baju. ☐

(ii) Encik Rajasingam memasang baju. ☐

3



(i) Guru sedang memarahi murid-murid. ☐

(ii) Guru sedang mengajar murid-murid. ☐

Hari: ____________ Tarikh: ____________

Tema 4 Kebudayaan Kita

UNIT 11

# Kesenian Dihargai

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 69 – 74

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

**Lengkapkan dialog di bawah. Kemudian, tuturkan.** SP1.2.2

**Rumah Limas Johor**

- Ruang anjung – besar dan luas
- Dibina agak tinggi – mengelakkan kemasukan air ketika banjir atau binatang buas pada waktu malam
- Ukiran atau jejaring pada tingkap – memudahkan cahaya dan udara masuk



Jarid : Ini rumah apa, Muaz?

Muaz : Inilah rumah limas. Rumah tradisional ini terdapat di Johor. Rumah ini mempunyai **(1)** ____________________. Rumah ini juga dibina agak tinggi.

Jarid : Pada pendapat kamu, mengapakah rumah ini dibina agak tinggi?

Muaz : Pada pendapat saya, rumah ini dibina agak tinggi untuk **(2)** ____________________.

Jarid : Selain itu, apa lagi keistimewaan rumah limas ini, Muaz?

Muaz : Rumah ini mempunyai **(3)** ____________________. Ukiran atau jejaring ini sangat penting kerana **(4)** ____________________.

Jarid : Reka bentuk rumah limas Johor ini sangat menarik.

Disemak oleh:..............................

## Kemahiran Membaca

**Baca seni kata lagu di bawah. Kemudian, nyatakan nilai.** SP2.3.1(i)

**Rasa Sayang, Hey!**

Rasa sayang hey!
Rasa sayang sayang hey
Hey lihat nona jauh
Rasa sayang sayang hei

Buah cempedak di luar pagar
Ambil galah tolong jolokkan
**Saya budak baru belajar**
**Kalau salah tolong tunjukkan**

Pulau Pandan jauh ke tengah
Gunung daik bercabang tiga
**Hancur badan dikandung tanah**
**Budi yang baik dikenang juga**

Dua tiga kucing berlari
Mana sama si kucing belang
**Dua tiga boleh ku cari**
**Mana sama adik seorang**

Pisang emas dibawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati

Irama lagu
"Rasa Sayang Hey"

| Pernyataan | Nilai |
|---|---|
| 1. Saya budak baru belajar<br>Kalau salah tolong tunjukkan | ____________<br>____________ |
| 2. Hancur badan dikandung tanah<br>Budi yang baik dikenang juga | ____________<br>____________ |
| 3. Dua tiga boleh ku cari<br>Mana sama adik seorang | ____________<br>____________ |

Disemak oleh:.................................

# TATABAHASA

## A Isi tempat kosong dengan kata perintah yang sesuai.

SP5.1.4(v)

1.



( Jangan ; Harap )

"__________ kamu dapat buat bakul mengkuang dengan kemas dan cantik, Syakirah," kata nenek.

2.



( Tolong ; Sila )

"__________ isikan air di dalam labu sayong ini," kata ibu kepada Amirah.

3.



( Minta ; Jangan )

"__________ berlari-lari di rumah panjang ini," pesan Cikgu Hisyam kepada murid-muridnya.

## B Isi tempat kosong dengan kata kerja aktif transitif yang sesuai. SP5.1.2(i)

| memasang | membelah | menganyam | menebang |
|---|---|---|---|

1. Pak Akil pun __________________ pokok buluh di dalam hutan.
2. Datuk sedang __________________ buluh-buluh itu untuk dikeringkan.
3. Ayah __________________ bidai itu pada tingkap di ruang tamu.
4. Ibu saya mahir __________________ daun mengkuang untuk dijadikan bakul.

Disemak oleh:..................................

# UNIT 12 Amalan Baik

• Rujukan Buku Teks (Jilid 1): Hal. 75 – 82

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

**Dengar, sebut, dan tulis.** SP1.1.1(i)(ii)(iii)



Murid-murid, kita hendaklah sentiasa beradab dalam kehidupan seharian. Kita mestilah bercakap sopan dengan anggota keluarga, rakan-rakan, jiran, dan guru. Jika kita hendak lalu di hadapan orang-orang tua, kita mestilah menundukkan badan sebagai tanda hormat. Apabila hendak keluar dari rumah atau kelas, kita hendaklah meminta izin daripada ibu bapa atau guru. Seterusnya, semasa makan, kita mestilah makan dengan sopan. Jangan makan dengan gelojoh kerana boleh menyebabkan kita tercekik. Murid-murid, nyatakan amalan baik dalam kehidupan seharian.

Baiklah, cikgu. Kita mestilah

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________



Disemak oleh: ....................

## KEMAHIRAN MENULIS

**Lengkapkan karangan di bawah dengan perkataan yang sesuai.** SP3.3.1(i)

| | |
|---|---|
| tradisi | jemputan |
| gembira | harmoni |
| persembahan | |
| Tahun Baharu Cina | |



Pada hari Ahad yang lalu, Persatuan Penduduk Taman Bakti mengadakan sambutan (1) ____________________. Sambutan itu diadakan di Dewan Komuniti Taman Bakti.

Para (2) ____________________ yang hadir terdiri daripada kaum Cina, Melayu, India, Serani, Sikh, dan sebagainya. Mereka memakai pakaian (3) ____________________ masing-masing seperti ceongsam, samfu, baju kurung, baju Melayu, sari, dan doti yang berwarna-warni.

Pelbagai (4) ____________________ diadakan untuk memeriahkan sambutan itu. Antaranya ialah nyanyian, tarian, sketsa, dan cabutan bertuah. Para jemputan kelihatan sungguh (5) ____________________ kerana dapat menikmati pelbagai jenis hidangan tradisi yang enak sambil menonton persembahan yang menghiburkan.

Melalui sambutan perayaan ini, penduduk Taman Bakti dapat mengeratkan hubungan. Hubungan yang erat ini dapat mewujudkan suasana kehidupan yang aman dan (6) ____________________.

Disemak oleh:....................................

## TATABAHASA

**Tulis ayat seru berdasarkan gambar.** SP5.1.4(vi)

- Wah, persembahan wayang kulit ini sungguh menyeronokkan!
- Eh, kita sudah sampai di Kampung Budaya Sarawak!
- Oh, begini caranya membuat anyaman ketupat!
- Nah, rasalah kuih bakul ini!

1. 

______________________________________________

______________________________________________

2. 


______________________________________________

______________________________________________

3. 

______________________________________________

______________________________________________

4. 

______________________________________________

______________________________________________

Disemak oleh:.................................




# AMALAN BAIK

## A Nyatakan nilai yang terdapat dalam petikan. S.P 2.3.1(ii)

Nathan berjanji bahawa dia akan belajar bersungguh-sungguh. Dia kecewa kerana gagal memperoleh keputusan yang cemerlang. Namun, dia yakin bahawa dia akan berjaya jika berusaha.

Nathan berazam untuk membaiki kelemahannya. Sejak awal tahun, Nathan sudah membuat persiapan. Dia mengulang kaji pelajaran dengan bersungguh-sungguh. Dia tidak malu untuk bertanya kepada guru jika kurang memahami sesuatu pelajaran.

Selain itu, Nathan dan rakan-rakan menubuhkan kumpulan belajar. Mereka sering mengadakan perbincangan tentang sesuatu pelajaran. Di samping itu, mereka yang mahir tentang sesuatu pelajaran dapat membantu rakan yang lemah. Pada masa lapang, Nathan akan berkunjung ke perpustakaan. Dia tidak mahu membazir masa dengan perkara yang sia-sia.

| | Pernyataan | Nilai |
|---|---|---|
| 1 | Nathan berjanji bahawa dia akan belajar bersungguh-sungguh. | ______________ |
| 2 | Di samping itu, mereka yang mahir tentang sesuatu pelajaran dapat membantu rakan yang lemah. | ______________ |
| 3 | Dia tidak mahu membazir masa dengan perkara yang sia-sia. | ______________ |

## B Suai padan. Kemudian, tulis dalam bentuk perenggan. S.P 3.3.1(i)

### Sambutan Hari Kanak-kanak



| | |
|---|---|
| 1 Pada hari Ahad, penduduk Taman Melur | memberikan sokongan kepada para peserta. |
| 2 Hamzah, Siong dan Danish | untuk memenangi pertandingan itu. |
| 3 Semua penduduk | menyertai acara lari membawa bola ping pong dengan sudu. |
| 4 Hamzah dan Siong | mengadakan sukaneka. |
| 5 Mereka kelihatan bersungguh-sungguh | berada di hadapan peserta lain. |

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

## C Gariskan kata seru yang betul. S.P 5.1.4(vi)

1 (Amboi/ Cis), bijak sungguh kamu menawar harga barang itu!

2 (Wah/ Oh), baik sungguh hati kamu!

3 (Hai/ Cis), rupanya kamu yang selalu mencuri barang di kedai aku!

4 (Ah/ Nah), ini buku yang engkau perlukan!

5 (Aduhai/ Amboi), aku sudah kehilangan pensel!

6 (Amboi/ Aduh), gatalnya rambutku!

7 (Wah/ Nah), hebatnya pendapat kamu!

8 (Cis/ Hai), saya ingin berkawan dengan kamu!

9 (Wah/ Aduh), manisnya buah limau ini!

10 (Cis/ Amboi), wanginya masakan ibu!

## D Suai padan ayat dengan kata perintah yang sesuai. S.P 5.1.4(v)

| | | |
|---|---|---|
| 1 ________ pijak lantai yang basah. | | Harap |
| 2 ________ kamu cepat sembuh. | | Tolong |
| 3 ________ jangan buat bising. | | Jangan |
| 4 ________ masuk ke dalam. | | Jemput |




# BERSIKAP MULIA

## A Tulis respons yang sesuai bagi dialog. S.P 1.1.2(i)

- tidak mengganggu pengguna perpustakaan yang lain
- menghormati pustakawan
- sikap yang baik
- bertanggungjawab ketika menggunakan peralatan sekolah
- menyusun kembali buku yang digunakan
- menggantikan dengan buku baharu

Hasan : Selamat petang, Elisa. Bagaimanakah sikap murid yang berkunjung ke perpustakaan?

Elisa : Selamat petang, Hasan. Murid menunjukkan **(1)** ____________ ketika berada di perpustakaan.

Hasan : Bagaimanakah cara murid bersikap baik apabila berkunjung ke perpustakaan?

Elisa : Murid hendaklah **(2)** ____________ yang bertugas pada hari tersebut. Selain itu, tidak berbuat bising. Hal ini demikian supaya **(3)** ____________ untuk mengulang kaji pelajaran. Di samping itu, murid perlu **(4)** ____________ di rak selepas menggunakannya.

Hasan : Pada pendapat kamu, wajarkah murid dikenakan tindakan disiplin sekiranya melanggar peraturan di perpustakaan?

Elisa : Pada pendapat saya, murid yang melakukan kesalahan disiplin wajar dikenakan tindakan disiplin. Jika terdapat kerosakan pada buku yang dipinjam, mereka dikehendaki **(5)** ____________. Murid perlulah **(6)** ____________.

Hasan : Saya bersetuju dengan pendapat kamu, Elisa. Semoga kita menjadi murid yang sayang akan perpustakaan.

**B** **Nyatakan nilai bagi rangkap pantun di bawah.** S.P 2.3.1(iii)

*Naik rakit menuju ke hulu,*
*Didayung rakit menggunakan galah,*
*Janganlah kita bertindak melulu,*
*Duduklah bersatu selesaikan masalah.*

*Di hutan belantara harimau mengaum,*
*Burung berkicau melontarkan suara;*
*Rakyat bersatu berbilang kaum,*
*Hidup berkomuniti negara sejahtera.*

*Menunggang kuda di tanah rata,*
*Di padang kota ketika redup;*
*Apabila kita ada cita-cita,*
*Baru ada matlamat hidup.*

*Mutiara dibawa dari Sabah,*
*Dibuat cincin penyeri naik;*
*Melalui pendidikan kita berubah,*
*Daripada buruk kepada baik.*

| **Rangkap** | Rangkap Pertama | Rangkap Kedua |
|---|---|---|
| **Nilai** | 1 ____________ | 2 ____________ |
| | Rangkap Ketiga | Rangkap Keempat |
| | 3 ____________ | 4 ____________ |

## C Tulis kata dasar berdasarkan gambar. S.P 5.2.1(i)

1 

Ramli mem____________________ pintu kereta untuk nenek.

2 

Cikgu Rahman mem____________________ murid yang miskin itu.

3 

Puan Nalini mem____________________ barang kebersihan diri.

4 

Murid-murid sedang ber____________________ di padang sekolah.

5 

Encik Kassim mem____________________ surat khabar di halaman rumah.

## D Tulis lima kata dasar berdasarkan perkataan yang diberikan. S.P 5.2.1(i)

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 memukul | | 4 bersahabat | |
| 2 menumpang | | 5 menyambut | |
| 3 menyapu | | 6 memasak | |

# UNIT 13 Bersikap Mulia

• Rujukan Buku Teks (Jilid 2): Hal. 1 – 6

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

**Dengar dan beri respons terhadap soalan.** SP1.1.2(i)



bersalam dengan ibu bapa




memberikan tumpuan



meminta maaf

Vijaya : Kawan-kawan, apakah amalan baik yang perlu kita amalkan?

Hani : Banyak amalan baik yang perlu kita amalkan, Vijaya. Contohnya, kita hendaklah (1) ______________________.

Jacklyn : Bagaimanakah cara kita menghormati guru di sekolah?

Amin : Cara kita menghormati guru adalah dengan memberikan salam apabila berjumpa dengan guru. Selain itu, kita hendaklah (2) ______________________.

Vijaya : Jika kita berselisih faham dengan rakan, apakah yang harus kita lakukan?

Hani : Kita perlu berbincang secara baik untuk menyelesaikan masalah itu. Kemudian, kita hendaklah (3) ______________

______________________________.

Disemak oleh:.................................

## KEMAHIRAN MEMBACA

**Baca pantun di bawah. Kemudian, kenal pasti nilai yang terdapat pada setiap rangkap.** SP2.3.1(iii) KBAT : Menganalisis

Buah jambu di atas para,
Ada berangan dan buah amra;
Layanlah tetamu dengan mesra,
Agar hubungan kekal terpelihara.

Itik angsa makan ikan,
Burung tekukur di atas dahan;
Berbudi bahasa dengan rakan,
Bercakap jujur mengaku kesalahan.

Pergi ke kuala naiki sampan,
Bawa tenggiri di dalam raga;
Bercakap lembut dengan sopan,
Maruah diri sentiasa terjaga.

| Rangkap | Nilai |
|---|---|
| 1. Rangkap 1 | |
| 2. Rangkap 2 | |
| 3. Rangkap 3 | |

## TATABAHASA

**Tulis kata dasar bagi setiap perkataan bergaris.** SP5.2.1(i)

1. Yusri pun bersalam dengan Cikgu Azmi. [ ]
2. Bendera kebangsaan berkibar di hadapan sekolah. [ ]
3. Marina melarang seorang murid yang hendak mengoyak buku di perpustakaan. [ ]
4. Kita harus membuang sampah di tong sampah. [ ]
5. Murid-murid tidak dibenarkan menconteng meja tulis. [ ]

Disemak oleh:....................................

Hari:____________ Tarikh:____________

Tema 5 Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

UNIT 14

# Hidup Berbakti

• Rujukan Buku Teks (Jilid 2): Hal. 7 – 12

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Berikan respons terhadap suruhan. SP1.1.2(ii)



Elsa : Sufi, siapakah lelaki dalam gambar itu?
Sufi : Oh, itu ayah saya! Ayah saya ialah (1) ____________________________.

Eng Li : Harap kamu jelaskan tugas anggota bomba.
Sufi : Anggota bomba bertugas untuk (2) ____________________________. Selain itu, anggota bomba juga akan membantu masyarakat yang berada dalam kesusahan. Contohnya, menyelamatkan (3) ____________________________.

Raju : Minta kamu terangkan sifat patriotisme yang ada pada anggota bomba.
Sufi : Anggota bomba (4) ____________________________. Mereka sanggup bertugas dalam situasi yang (5) ____________________________.

Elsa : Kita patut menghargai jasa anggota bomba.

Disemak oleh:................................

# KEMAHIRAN MENULIS

**Kenal pasti kesalahan ejaan. Kemudian, tulis ejaan yang betul.**

SP3.3.2(i) KBAT Menganalisis

## Rukun Negara

Pada tangal 31 Ogos 1970, Majlis Gerakan Negara telah membentok Rukun Negara. Rukun Negara dibentuk ekoran Peristiwa 13 Mei 1969.

Rukun Negara mempunyai lima perinsip. Prinsip-prinsip Rukun Negara ialah Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, dan Kesupanan dan Kesusilaan.

Pembentukan Rukun Negara ini bertujuan untuk menyatu padukan rakyat Malaysia yang berbilang kaom dan agama. Perpaduan menjadi teras utame dalam pembentukan Rukun Negara bagi menjamin kesejahteraan masarakat serta melahirkan negara yang bersatu.

| Kesalahan Ejaan | Pembetulan Ejaan |
|---|---|
| 1. | |
| 2. | |
| 3. | |
| 4. | |
| 5. | |
| 6. | |
| 7. | |
| 8. | |

Disemak oleh:...................................

## TATABAHASA

**A** Tulis kata tunggal berdasarkan gambar. Kemudian, bina ayat dengan menggunakan kata tunggal tersebut. SP5.2.1(ii)

1. 

Kata tunggal : ____________________

Ayat : ____________________

2. 

Kata tunggal : ____________________

Ayat : ____________________

3. 

Kata tunggal : ____________________

Ayat : ____________________

**B** Tulis imbuhan awalan yang sesuai pada perkataan. Kemudian, bina ayat berdasarkan gambar. SP5.2.1(iii)

| ber- | mem- | meng- |
|---|---|---|

1. 

Perkataan : bantu = ____________________

Ayat : ____________________

2. 

Perkataan : ajar = ____________________

Ayat : ____________________

3. 

Perkataan : tugas = ____________________

Ayat : ____________________

Disemak oleh:..................................

UNIT 14

# HIDUP BERBAKTI

## A Lengkapkan respons bagi dialog. S.P 1.1.2(ii)



Asraf : Apakah yang berlaku, Ahmad?

Ahmad : Oh, sebuah kereta **(1)** ____________________!

Asraf : Siapakah yang membantu wanita itu?

Ahmad : **(2)** ____________________

____________________.

Asraf : Apakah yang dilakukan oleh mereka?

**(3)** ____________________

____________________.

Ahmad : Apakah yang dilakukan oleh wanita itu?

**(4)** ____________________

____________________.

**B** **Kenal pasti nilai murni yang terdapat dalam ayat.** S.P 2.3.1(iv)

berdisiplin | baik hati | berjimat cermat | bertanggungjawab

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Kassim membantu seorang warga emas melintas jalan. | |
| 2 | Ayah menyimpan baki wang di bank untuk menjamin masa depan. | |
| 3 | Pegawai polis itu menjalankan tugasnya dengan sempurna. | |
| 4 | Murid-murid berdiri tegak semasa lagu Negaraku dinyanyikan. | |

**C** **Edit dan murnikan petikan di bawah.** S.P 3.3.2(i)

Azhar duduk di muka pintu menungu ayah dan ibu pulang dari pejabat. Kakak Haliza berada di dapor menyediakan hidangan tengahari.

Tiba-tiba, Azhar teringat akan kain yang dijemor di ampaian. Tanpa menbuang masa, Azhar menuju ke ampaian. Dia mengangkat kain yang disidai oleh kakak pada pagi tadi. Selepas itu, Azhar mengangkap kain di ampaian jiran.

Jiran mereka baru keluar untuk mebeli barang. Tindakan Idham dapat mengelakkan kain-kain yang telah dibasuh itu dibasahi hujan. Pada waktu petang setelah jiran pulang, Azhar menserahkan kain-kain jiran mereka. Jiran mereka berasa gembira dan menggucapkan terima kasih.

## D Bina ayat dengan menggunakan kata tunggal. S.P 5.2.1(ii)

1



| | | |
|---|---|---|
| ayah | majalah | rumah |

2



| | | |
|---|---|---|
| wanita | jelita | kakak |

3



| | | |
|---|---|---|
| keluarga | makan | malam |

4



| | | |
|---|---|---|
| minum | air | dahaga |

## E Tulis kata berimbuhan awalan yang sesuai bagi perkataan dalam kurungan.

S.P 5.2.1(iii)



Saya dan keluarga sibuk (1) ________________ (buat) persiapan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Sejak pagi lagi, ibu sibuk menyediakan pelbagai juadah. Saya dan kakak (2) ________________ (bantu) ibu di dapur. Kami (3) ________________ (masak) ketupat, rendang daging dan kuah kacang.

Di belakang rumah, ayah dan abang sedang (4) ________________ (kacau) dodol. Tahun ini merupakan kali pertama kami menyediakan dodol. Arisya dan Aliah (5) ________________ (sorak) riang sambil bermain bunga api di halaman rumah.

"Arisya, Aliah... baik-baik (6) ________________ (main) bunga api," jerit ibu dari arah tingkap. Walaupun sibuk, ibu tetap bimbang akan keselamatan Arisya dan Aliah. Selepas membantu ibu, saya dan kakak (7) ________________ (hias) ruang tamu. Kami (8) ________________ (gantung) kad ucapan hari raya pada ranting pokok bunga.






# OH, MALAYSIAKU!

## A Tulis respons yang sesuai. Kemudian, lakonkan. S.P 1.1.2(iii)

"Zul, beritahu ayah kamu bahawa kita akan bertolak ke Pulau Langkawi pada pagi Jumaat. Justeru, saya memerlukan persetujuan ayah kamu, iaitu membenarkan kamu turut serta dalam lawatan ini. Saya mahu kamu serahkan surat persetujuan ini untuk ditandatangani," kata Cikgu Azri kepada Zul.

"Baiklah, Cikgu Azri. Saya akan memberitahu ayah **(1)** ____________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________," Zul bersetuju.

Ayah, Cikgu Azri berpesan, ayah perlu **(2)** ____________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

**(3)** ____________________

______________________________

______________________________

______________________________



## B Murnikan teks dari aspek tanda baca. S.P 3.3.2(ii)

1 Wah seronoknya kamu berpeluang ke negeri Perak Saya belum pernah lagi ke sana Saya ada terbaca tentang ikon negeri Perak, iaitu Menara Condong Adakah kamu ke sana tanya Kavitha kepada rakannya itu

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

2 Kita semua perlu ada perasaan bangga menjadi rakyat Malaysia Negara kita terdiri daripada masyarakat majmuk Masyarakat hidup dalam keadaan aman harmoni kata Cikgu Roziah

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

## C Murnikan teks dari aspek ejaan dan tanda baca. S.P 3.3.2(ii)



Menara Condong mempopularkan Teluk Intan Menara condong Teluk Intan diiktiraf oleh Jabatan Warisan Negara sebagai warisan kebangsaan Menara condong Teluk Intan dibina oleh arkitek berbangsa China, Leong Choon Cheong Menara ini berfungsi sebagai tanki simpanan air untok bekalan peduduk tempatan pada musim kemarau Selain itu berperanan sebagai penunjok waktu.

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

**D** **Isi tempat kosong dengan kata dasar, kata tunggal, imbuhan awalan dan imbuhan akhiran yang betul.**

S.P 5.2.1(i), (ii), (iii) & (iv)

| | | |
|---|---|---|
| berkumpul | kepala | gembira |
| bermula | keluarga | perarakan |



Firdaus dan (1) ______________ ke Putrajaya. Mereka (2) ______________ di Putrajaya untuk menyambut Hari Kebangsaan 2021.

"Nah, kibarkan Jalur Gemilang ini ketika (3) ______________ 88 ekor kuda!" kata ayah kepada Firdaus. Ibu mengikat reben pada (4) ______________ adik.

Hari Kebangsaan (5) ______________ pada pukul 10.00 pagi. Firdaus (6) ______________ melihat perarakan kuda sejauh 6.7 kilometer. Peserta membawa bendera Malaysia, bendera 25 tahun Putrajaya, bendera Rukun Negara dan bendera agensi masing-masing.

Hari: ____________ Tarikh: ____________

Tema 5 Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

# UNIT 15 Oh, Malaysiaku!

• Rujukan Buku Teks (Jilid 2): Hal. 13 – 20

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

**Beri respons yang sesuai terhadap pesanan.** SP1.1.2(iii)




Disemak oleh:..............................

## KEMAHIRAN MENULIS

**Buat pembetulan tanda baca bagi ayat-ayat di bawah.**

SP3.3.2(ii) KBAT Menganalisis

1. "Di manakah abang kamu membuat kad pengenalan. Amin," tanya Haziq.

   **Pembetulan :** ______________________________

   ______________________________

2. Tahniah, Atilia. Kamu memenangi pertandingan mendeklamasikan sajak itu," ucap Hana.

   **Pembetulan :** ______________________________

   ______________________________

3. "Wah, meriah sungguh sambutan Hari Kemerdekaan di Dataran Merdeka?" kata Hafiza dengan teruja.

   **Pembetulan :** ______________________________

   ______________________________

4. "Cikgu Hamdan guru yang berdedikasi, Walaupun tegas, tetapi beliau seorang yang penyayang." kata Ihsan.

   **Pembetulan :** ______________________________

   ______________________________

5. "Amir, Zafri. dan Ranjit akan menyertai perbarisan semasa sambutan Hari Kemerdekaan di sekolah!" kata Amirul kepada rakannya.

   **Pembetulan :** ______________________________

   ______________________________

   ______________________________

Disemak oleh:.................................

## TATABAHASA

**Tulis imbuhan akhiran yang sesuai pada perkataan. Kemudian, bina ayat berdasarkan gambar.** SP5.2.1(iv)

| -kan | -i | -an |
|---|---|---|



Perkataan : kagum = ____________________

Ayat : ____________________________________

____________________________________




Perkataan : lapor = ____________________

Ayat : ____________________________________

____________________________________




Perkataan : tampal = ____________________

Ayat : ____________________________________

____________________________________




Perkataan : sambut = ____________________

Ayat : ____________________________________

____________________________________

Disemak oleh:..................................

# UNIT 16 Alamku Sayang

• Rujukan Buku Teks (Jilid 2): Hal. 21 – 28

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

**Beri respons yang sesuai terhadap permintaan.** SP1.1.2(iv)

1.



Ayah : Rizal, tolong susun surat khabar lama ini dengan rapi. Kemudian, ikat dengan tali ini.

Rizal : ______________________________

______________________________

______________________________

2.



Rizal : Mengapakah ayah meminta saya menyusun surat khabar lama ini?

Ayah : ______________________________

______________________________

______________________________

3.




Rizal : Boleh ayah beritahu saya kebaikan mengitar semula surat khabar lama ini.

Ayah : ______________________________

______________________________

Pokok ialah sumber untuk menghasilkan kertas.

Disemak oleh:..............................

# KEMAHIRAN MENULIS

## Betulkan kesalahan penggunaan kata yang bercetak tebal.

SP3.3.2(iii) KBAT : Menganalisis

Rina gembira apabila tiba musim cuti persekolahan. Dia dan keluarganya akan **kembali** ke kampung neneknya di Batu Kurau, Perak.

Kampung neneknya terletak di kaki bukit dan agak jauh dari pekan. Udara di kampung itu sangat segar dan nyaman. Kawasan kampung ini **cerah** dan tidak tercemar. Penduduk kampung amat menitikberatkan aspek kebersihan.

Di kampung itu, terdapat air terjun yang **anggun**. Pemandangan di situ sangat indah kerana dikelilingi tumbuhan hutan yang menghijau. Rina dan keluarganya suka **bersantai** di situ kerana airnya jernih dan sejuk.

Selain itu, terdapat sebatang sungai di belakang rumah neneknya. Mereka suka **mencari** ikan di sungai itu. Bagi Rina, suasana kampung yang nyaman dan indah memberikan ketenangan kepadanya.

| Perkataan | Pembetulan |
|---|---|
| 1. | |
| 2. | |
| 3. | |
| 4. | |
| 5. | |

Disemak oleh:..................................

## TATABAHASA

**A** **Bina ayat dengan menggunakan kata majmuk berdasarkan gambar.** SP5.2.2




1. jambatan gantung

_______________________________________________

2. tong sampah

_______________________________________________

3. surat khabar

_______________________________________________

4. jagung bakar

_______________________________________________

**B** **Bina ayat dengan menggunakan kata ganda di bawah.** SP5.2.3

1. mandi-manda

_______________________________________________

2. bukit-bukau

_______________________________________________

3. tumbuh-tumbuhan

_______________________________________________

4. pepohon

_______________________________________________

Disemak oleh:..................................




# ALAMKU SAYANG

## A Berikan respons yang sesuai bagi dialog. S.P 1.1.2(iv)

Pak Mat, tolong tebas semak di hujung sana.

(1) ______________________________

______________________________

Hamid akan membantu Pak Mat.

(2) ______________________________

______________________________

Saya akan menyediakan peralatan yang diperlukan seperti sabit, plastik sampah dan gunting kebun.

(3) ______________________________

______________________________

Terima kasih atas kerjasama Pak Mat.

(4) ______________________________

______________________________



**B** **Lengkapkan cerita di bawah. Kemudian, persembahkan dengan gaya yang menarik.** S.P 2.3.2(ii)

Hutan berasa semakin kerdil. "Jika aku semakin mengecil, pasti hidup manusia akan susah," fikirnya. "Sang Manusia ini semakin rakus membaham aku dengan pelbagai cara," termenung lagi hutan.

Tiba-tiba, hutan mendapat idea untuk memberikan pengajaran kepada Sang Manusia. Hutan pun berhenti untuk bernafas. Hutan ...

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

**C** **Lengkapkan pantun dengan jawapan yang paling sesuai.** S.P 4.3.1(i)

| hidup aman | hutan paya | alam sekitar | hendak menyesal |
|---|---|---|---|

Anak Mak Limah memakai selipar,
Selipar dipakai milik Luqman;
Jangan mencemar **(1)** ____________,
Supaya manusia **(2)** ____________.

## D Lengkapkan Peta Bulatan dengan kata majmuk yang terdapat dalam petikan.

S.P 5.2.2

Sungai merupakan khazanah yang perlu dipelihara. Hal ini demikian kerana sungai menjadi sumber bekalan air bersih. Selain itu, menjadi habitat semula jadi pelbagai jenis hidupan air.

Oleh itu, penduduk Kampung Melayu Batu 16 Rawang mengadakan program gotong-royong membersihkan sungai. Di samping membersihkan sampah sarap di kawasan sungai, program tersebut dapat merapatkan hubungan silaturahim antara penduduk kampung.

Mereka bekerjasama mengutip sampah lalu dimasukkan ke dalam plastik sampah. Beberapa acara turut diadakan seperti peraduan mewarna, demontrasi bahan kitar semula dan cabutan bertuah.



## E Bina ayat dengan menggunakan kata ganda yang diberikan.

S.P 5.2.3

1 rama-rama

______________________________

______________________________

2 pohon-pohon

______________________________

______________________________

3 mundar-mandir

______________________________

______________________________

4 kusut-masai

______________________________

______________________________

5 berhari-hari

______________________________

______________________________

6 berjalan-jalan

______________________________

______________________________




TEMA 6: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

# KEBERSIHAN ALAM TANGGUNGJAWAB BERSAMA

**A** **Berikan respons terhadap soalan berdasarkan gambar.** S.P 1.1.3(i)

**SUNGAI TERCEMAR**



Sungai merupakan nadi sesebuah negara. Namun, kebersihan sungai tidak diendahkan orang ramai.

Cikgu Hazim : Sungai tercemar dalam pelbagai cara. Kamal, mengapakah sungai tercemar?

Kamal : (1) ____________________________________________

____________________________________________

Cikgu Hazim : Apakah kesan pencemaran sungai terhadap alam sekitar dan manusia, Ahmad?

Ahmad : (2) ____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

## B Huraikan situasi berdasarkan gambar dalam bentuk perenggan. S.P 3.2.1(iv)




1 Situasi Pertama

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

2 Situasi Kedua

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

3 Berikan **dua** pengajaran yang diperoleh berdasarkan gambar.

(i) ______________________________________________

______________________________________________

(ii) ______________________________________________

______________________________________________

## C Lengkapkan sajak. Kemudian, persembahkan. S.P 4.3.1(ii)

